

Bil. S 4

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3) dan (5))**

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2018/2019) (BIL. 4), 2024

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 16/2022) bertarikh 29 haribulan Ogos 2022 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuat kuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan mana-mana Perintah sedemikian, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam.

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang sebanyak empat bilion, enam ratus juta ringgit (\$4,600,000,000.00) telah diperuntukkan oleh Akta Perbekalan (2018/2019), 2018 (Akta 1 tahun 2018).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang sebanyak tiga ratus empat belas juta, enam ratus tiga puluh lapan ribu, enam ratus tiga puluh sembilan ringgit dan tujuh puluh lapan sen (\$314,638,639.78) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2018/2019) (Bil. 1), 2019 (S 13/2019).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang sebanyak sepuluh juta, sembilan ratus satu ribu, enam ratus satu ringgit (\$10,901,601.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2018/2019) (Bil. 2), 2019 (S 14/2019).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang sebanyak tiga puluh tujuh juta, lapan ratus dua puluh tiga ribu, dua ratus tujuh puluh ringgit dan lapan puluh dua sen (\$37,823,270.82) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2018/2019) (Bil. 3), 2024.

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak sembilan puluh juta, lapan belas ribu, empat ratus dua puluh satu ringgit dan empat puluh tiga sen (\$90,018,421.43).

OLEH YANG DEMIKIAN, MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut –

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2018/2019) (Bil. 4), 2024.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2018/2019 dan peruntukan

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi sembilan puluh juta, lapan belas ribu, empat ratus dua puluh satu ringgit dan empat puluh tiga sen (\$90,018,421.43) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual bagi tahun 2018/2019, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2018/2019), 2018 (Akta 1 tahun 2018), Perintah Perbekalan Tambahan (2018/2019) (Bil. 1), 2019 (S 13/2019), Perintah Perbekalan Tambahan (2018/2019) (Bil. 2), 2019 (S 14/2019) dan Perintah Perbekalan Tambahan (2018/2019) (Bil. 3), 2024, adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Bagi maksud-maksud ceraihan (1), jumlah wang yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual adalah diperuntukkan bagi tajuk perbelanjaan yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual.

JADUAL

<i>Tajuk perbelanjaan</i>	<i>Gelaran</i>	<i>Jumlah wang yang diperuntukkan</i>
JABATAN PERDANA MENTERI		
SA22A	Jabatan Kehakiman Negara	\$315,334.89
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN		
SC01A	Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan	\$4,088,100.00

**KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

SD03A	Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	\$100,000.00
SD09A	Perkhidmatan Rampaian	\$28,000,000.00

**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM
NEGERI**

SE02A	Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan	\$168,000.00
SE04A	Lembaga Bandaran Tutong	\$81,066.20
SE011A	Jabatan Penjara	\$209,584.30

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

SF01A	Kementerian Pendidikan	\$2,924,600.00
-------	------------------------	----------------

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA
DAN SUKAN**

SL01A	Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan	\$2,795,654.51
SL03A	Jabatan Belia dan Sukan	\$1,913,752.64
SL04A	Muzium-Muzium	\$37,100.00

KEMENTERIAN KESIHATAN

SM01A	Kementerian Kesihatan	\$18,667,053.00
-------	-----------------------	-----------------

**KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA
DAN TENAGA MANUSIA)
DAN PERINDUSTRIAN**

SA24A	Jabatan Perkhidmatan Elektrik	\$30,718,175.89
-------	-------------------------------	-----------------

\$90,018,421.43

Diperbuat pada hari ini 11 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1445 bersamaan dengan 23 haribulan Januari, 2024 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**